



## 'TAWAN' GUNUNG KERINCI

(UTUSAN MALAYSIA  
ALBUM HARI (NI))

SEBAHAGIAN daripada peserta Ekspedisi Gunung Kerinci meraikan kejayaan selepas menawan puncak gunung berapi tertinggi di Indonesia yang terletak di wilayah Jambi pada ketinggian 3.805 meter dari paras laut, selepas dua hari pendakian, baru-baru ini.

Ekspedisi anjuran Kelab Media Pahang yang disertai 26 peserta terdiri daripada pengamal media, wakil Istana Abdul Aziz, Majlis Agama Islam Pahang (MAIP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu bertujuan mengeratkan ukhuwah dan semangat setiakawan sesama mereka.

Pelbagai rintangan terpaksa ditempuhi termasuk laluan berbatu yang licin ekoran hujan selain menghadapi suhu yang terlalu rendah sehingga lapan darjah celcius. - BERNAMA